

# The Humble Chef sasar jumlah pelanggan cecah 600 sehari

Oleh AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

## KUALA LUMPUR

Pihak pengurusan Restoran The Humble Chef menyasarkan bilangan pelanggannya akan meningkat kepada 600 orang sehari dalam tempoh beberapa bulan lagi selepas sistem pengangkutan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang beroperasi sepenuhnya pada 17 Julai lalu.

Restoran yang terletak kira-kira 500 meter dari Stesen MRT Pusat Bandar Damansara dekat sini kini mempunyai kira-kira 300 pelanggan sehari.

Penolong pengurus restoran itu, Daneal Mohaimin berkata, dia akan menambah bilangan pekerja daripada 15 kepada 20 orang dalam masa terdekat bagi memastikan kelancaran perniagaannya yang sudah beroperasi selama lima tahun.

"The Humble Chef menyediakan pelbagai juadah ala Barat seperti *lamb chop*, *hot cheese cake* dan spageti. Harga yang ditawarkan bermula RM5 sehingga RM30," katanya



RESTORAN The Humble Chef yang menyediakan hidangan ala Barat terletak di Bukit Damansara dekat Kuala Lumpur.

### INFO

#### Restoran The Humble Chef

**Lokasi:** No 54-G, Jalan Medan Setia 2, Plaza Damansara, Bukit Damansara, Kuala Lumpur

**Facebook:** The Humble Chef

**Waktu Operasi:** Setiap hari bermula pukul 11 pagi-11 malam

**Telefon:** 03-2011 1821



HOT cheese cake.

ketika ditemui *Kosmo!* di Restoran The Humble Chef, Bukit Damansara dekat sini semalam.

Sementara itu, seorang pelanggan, Eday Bahrome, 31, berkata,

perkhidmatan bas pengantara yang disediakan oleh pihak MRT memudahkannya untuk sampai ke restoran tersebut jika tidak mahu berjalan.